



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)

Email: kp@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA DARIPADA

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN BUKU TERJEMAHAN
“TROPICAL DAIRY FARMING: FEEDING MANAGEMENT FOR SMALL
HOLDER DAIRY FARMER IN THE HUMID TROPICS”**

**DEWAN SERBAGUNA, MOA
3.00 PETANG**

1. Syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul bagi menghadiri Majlis Pelancaran Buku Penterjemahan “Tropical Dairy Farming: Feeding Management for Small Holder Dairy Farmers in the Humid Tropics’ yang merupakan karya asal Dr John Moran.
2. Buku ini telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia dengan judul “Penternakan Tenusu Tropika: Pengurusan Pemakanan Lembu Tenusu Kawasan Tropika Lembap Untuk Penternak Kecil”. Buku ini juga memberi penekanan kepada kaedah pemakanan yang baik bagi membantu

meningkatkan taraf pencapaian industri tenusu dan sejurus itu membantu menjana pendapatan penternak, pekerja penternakan dan juga akhirnya Negara kita.

3. Pada masa yang sama, usaha ini juga dibuat bagi menyediakan sumber rujukan di dalam Bahasa Malaysia kepada semua golongan yang terlibat di dalam industri tenusu ini. Dengan adanya buku versi Bahasa Melayu ini, besarlah harapan saya agar semua penternak dapat memanfaatkan isi kandungannya dengan lebih baik lagi dan boleh dipraktikkan dalam pengurusan ladang masing-masing.
4. Saya difahamkan juga bahawa Majlis ini diadakan dengan kerjasama di antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Persatuan Penternak Tenusu Malaysia (*Association of Dairy Farmers Malaysia-ADFM*). Kerjasama yang erat ini amat diperlukan agar kepentingan kedua-dua pihak dapat dipelihara.
5. Bersama dengan perancangan ini juga, pameran dari ahli-ahli industri seperti Susu Lembu Asli Sdn Bhd, Lazuli Sdn Bhd dan juga KMVet Sdn Bhd telah diaturkan bagi menggalakkan pertumbuhan rangkaian perniagaan di antara penternak, pembekal, dan pengilang tenusu negara.

6. Dengan ini, besarlah harapan saya agar Majlis ini dapat sedikit sebanyak memberikan manfaat kepada semua yang hadir Insya Allah.

Sekian, Terima kasih.
